



7 August 2020, Friday

RHB Investment Bank kekalkan saranan "beli" untuk KLCCP Stapled Group



KUALA LUMPUR, 6 Ogos -- RHB Investment Bank Bhd telah mengekalkan saranan 'beli' untuk KLCCP Stapled Group dengan harga sasaran (TP) yang tidak berubah pada RM8.43, disokong oleh pemulihan yang beransur-ansur, terutamanya dalam segmen runcit untuk separuh kedua 2020.

Segmen runcit KLCCP Stapled Group seperti Suria KLCC kini sedang membina kembali momentum dengan para pembeli telah mula memenuhi pusat beli-belah.

Kumpulan itu juga terdiri daripada unit-unit dalam KLCC Real Estate Investment Trust (REIT) yang disertakan bersama kepentingan KLCC Property Holdings Bhd (KLCCP).

Dalam nota penyelidikannya, ia berkata walaupun terdapat penanguhan dalam perkembangan Fasa 2 menaik taraf di Suria KLCC, gedung-gedung khusus mungkin menjanjikan kadar sewa yang lebih tinggi untuk setiap kaki persegi, walaupun pada skala yang lebih rendah berbanding sebelumnya, sebaik sahaja siap.

Firma penyelidikan itu bagaimanapun, mengekalkan pandangan konservatif bagi segmen hospitaliti kerana menurutnya pengembaraan domestik tidak mungkin memberikan sumbangan bermakna kepada tahap penghunian dalam tempoh terdekat.

-- BERNAMA

(Source: <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1867678>)